

Tambah biasiswa pelajar cemerlang antara dipersetujui

Penambahan biasiswa kepada pelajar Malaysia yang cemerlang dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan teknologi di Universiti Al-Azhar Al-Sharif adalah antara tiga perkara dipersetujui Sheikh Al-Azhar, Prof Dr Ahmad Muhammad Ahmad At-Tayyeb dalam pertemuan bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini.

Perdana Menteri berkata, dalam perbincangan itu juga, Sheikh Al-Azhar turut bersetuju mewujudkan program Sains Islam (Ulum Islamiah) di Universiti

Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Institut Bahasa Arab Al-Azhar Al-Sharif dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang akan dimulakan pada pengajian semester akan datang.

Anwar berkata, persetujuan juga dicapai bagi menyahut pelawaan Sheikh Al-Azhar untuk menubuhkan Majlis Hukama' al Muslimin pimpinan beliau di Kuala Lumpur dengan menamakan wakil Malaysia, termasuk seorang wanita.

“Petang tadi (kelmarin), saya

berjumpa Sheikh Al-Azhar di pejabatnya di Universiti Al-Azhar Al-Sharif bagi membincangkan pelbagai perkara, khususnya membabitkan soal pendidikan yang mana saya menzahirkan penghargaan atas usaha dan peranan universiti itu dalam membantu pelajar Malaysia.

“Saya juga nyatakan Malaysia dan Universiti Al-Azhar Al-Sharif perlu terus pertingkat kerjasama di rantau ASEAN, terutama dalam bidang teknologi dan penyebaran ilmu.

“Pada pertemuan itu, Universiti Al-Azhar Al-Sharif memaklumkan mereka bersetuju menawarkan biasiswa kepada pelajar Malaysia yang cemerlang dalam bidang perubatan kejuruteraan dan teknologi, selain kami menyetujui soal memorandum persefahaman (MoU) yang terkait kerjasama dengan USIM,” katanya.

Ketika berucap pada syarahan umum di hadapan lebih 1,500 kakitangan dan pelajar Universiti Al-Azhar Al-Sharif, Perdana

Menteri mahu pelajar memperluaskan diri dengan ilmu keagamaan termasuk al-Quran, selain ilmu dalam bidang teknologi, supaya mereka dapat mengintegrasikan nilai Islam dengan kemajuan digital seperti kecerdasan buatan (AI).

Beliau berkata, bagi mengukuhkan penghayatan Islam, kerajaan mewajibkan semua pelajar Islam membaca 40 *hadis Imam Nawawi* bersama terjemahan yang kali pertama dilakukan di negara ini.